

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 11 OGOS 2016 (KHAMIS)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	3 anak Terengganu harum nama di Artik	Harian Metro

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 28**  
**TARIKH: 11 OGOS 2016 (KHAMIS)**

**Kuala Terengganu:** Tiga anak Terengganu terdiri daripada seorang guru dan dua pelajar yang mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa melalui Program 'Students On Ice: Arctic Educational Expedition 2016' selamat pulang pada Isnin lalu.

Mereka tiba di Lapangan Terbang Sultan Mahmud, di sini, jam 9 malam dan disambut hampir 200 orang terdiri daripada ahli keluarga dan rakan yang menanti ketibaan mereka seawal jam 8 malam.

Hadir sama menyambut mereka Ketua Sektor (Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan) Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) Ngah Bidin yang mewakili Pengarah JPN, Shafruddin Ali Hussin.

Dua pelajar terbabit adalah Muhammad Arif Mohd Robi, 16, dari Sekolah Menengah Agama (SMA) Atas

## 3 anak Terengganu harum nama di Artik

FOTO: ROZAINAH ZAKARIA



**DARI kiri, Muhammad Arif, Hanifah dan Nurul Ain ketika tiba di Lapangan Terbang Sultan Mahmud selepas menyertai ekspedisi pendidikan ke benua Artik.**

Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu dan Hanifah Mohd Rofiq, 16, dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Agama Sheikh Abdul Malek, Kuala Terengganu.

Selain mereka, seorang guru dari SMK Seberang Marang, Nurul Ain Johar, 26, turut menyertai ekspedisi pendidikan ke benua Artik bermula 20 Julai hingga 8

Ogos lalu.

Program tahunan yang dilaksanakan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) dan kerajaan negeri itu bertujuan memupuk minat pelajar dalam bidang sains.

Ita juga diwujudkan untuk melahirkan lebih ramai golongan penyelidik bagi membantu perkembangan sains dalam negara.

Sepanjang program itu, peserta diberi pendedahan untuk memahami dan meneroka penyelesaian isu perubahan iklim global melalui aktiviti yang dilaksanakan selain dapat bertukar pendapat.

Selain tiga anak Terengganu itu, program berkenaan turut disertai peserta

dari Kanada, Denmark, Sweden, Norway dan Jepun.

Hanifah berkata, dia gembira kerana segala aktiviti sepanjang ekspedisi berkenaan berjalan dengan lancar.

"Ekspedisi berkenaan memberi pengalaman baru kepada saya kerana dapat meneroka dunia sains dengan lebih mendalam bersama pakar sains di sana," kata anak sulung daripada dua beradik terbabit.

Bagi Nurul Ain pula, pengalaman selama dua minggu akan dimanfaatkannya sebaik mungkin terutama berkaitan isu pemanasan global.

"Menjadi tanggungjawab saya sebagai guru untuk menjelaskan isu ini kepada pelajar saya selain berkongsi pengalaman diperoleh dengan pendidik dan pelajar yang lain bagi memantapkan bidang sains," katanya.